

Rentak Kampus

Oleh FARID AHMAD TARMIZI

BERBICARA tentang sumber marin, ia memang sangat penting untuk nelayan kerana menjadi asas utama kepada kelangsungan hidup dan ekonomi mereka.

"Nelayan amat bergantung kepada hasil tangkapan laut seperti ikan, sotong, ketam, udang dan kerang-kerang untuk dijual di pasaran tempatan untuk menjara pendapatan bagi menyara keluarga.

Namun begitu, mereka juga berhadapan dengan cabaran kerana ada ketikanya hasil marin untuk tangkapan berkurang.

Oleh itu, inisiatif untuk memperbanyak hasil laut terutama di kawasan persisiran pantai perlu digerakkan.

Untuk itu, Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memacu usaha pemindahan ilmu ke arah pembangunan komuniti pesisir menerusi penganjuran Program Translasional: Empowering Social Transformation through Aquaculture di Pengkalan Nelayan Kuala Sebatu, Sungai Rambai di Melaka.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), agensi kerajaan dan komuniti setempat dengan aktiviti utama ialah pelepasan benih ketam renjong (*Portunus pelagicus*). Ketam renjong merujuk kepada ketam yang biasa.

Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif High-Value Blue Swimming Crab Seed Program for the Sungai Rambai Community.

Pengarah I-AQUAS, Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris berkata, inisiatif ini bertujuan memperkasa komuniti pesisir melalui pembangunan akuakultur berimpak tinggi dan pemuliharaan sumber marin secara mampan.

Menurutnya, ia menyokong pemulihan stok ketam renjong tempatan yang

merupakan sumber ekonomi penting kepada komuniti nelayan.

"Kita mahu hasil penyelidikan universiti diterjemahkan secara langsung kepada komuniti dan menerusi program ini, kaedah penternakan ketam renjong diperkenalkan kepada nelayan.

"Program yang telah memasuki tahun kedua ini telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

"Empat pelepasan benih ketam renjong telah dilaksanakan dengan jumlah terkini melebihi 250,000 ekor dan hasilnya pendaratan ketam meningkat secara signifikan," katanya.

Tambahnya, dahulu, nelayan hanya mendapat tiga hingga empat ekor ketam setiap kali turun ke laut, tetapi kini hasil pendaratan mencecah hampir 80 kilogram, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka sehingga RM4,000.

Selain pelepasan benih, UPM turut membangunkan modul latihan merangkumi penjagaan ketam, pembenihan dan pemasaran bagi membantu nelayan mengurus temakan secara berdiskari dan terus menghubungkan mereka dengan pembeli.

Justeru, nelayan kini tidak lagi bergantung kepada hasil tunggal seperti kupang.

Kepelbagaian hasil laut seperti ketam renjong membantu meningkatkan daya tahan ekonomi mereka.

Mengulas lanjut, Ahmad Zaharin berkata, program ini juga berjaya memendekkan tempoh pembesaran ketam dari tempoh semula jadi 10 hingga 12 bulan kepada hanya 5 hingga 8 bulan menerusi kualiti benih yang lebih baik sekali gus mempercepat pulangan hasil.

"Ketahanan benih juga meningkat



PENGURUSAN I-AQUAS, UPM Nelayan Kawasan (PNK) Jasin Sungai Rambai, Melaka ber...



USAHA tersebut telah menambah pendaratan ketam sekali gus mengubah nasib nelayan-nelayan yang sebelum ini kekurangan hasil. - GAMBAR HIASAN

UPM b...ela nasib r...nelayan pesisir...dengan pelepa...san 250,000 benih ketam



AKTIVITI melepaskan benih ketam dilakukan baru-baru ini.



M merakam foto kenangan bersama Jawatankuasa Nelayan Sebatu serta pihak Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Jasin Sungai Rambai, Melaka ber...



PARA nelayan di Kuala Sebatu melihat benih ketam renjong yang akan dilepaskan.

dengan kadar kelangsungan hidup naik daripada 10 peratus secara semula jadi kepada 20 peratus melalui program ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Jasin, Turina Mulo Ab. Kahar berkata, program tersebut sebagai usaha strategik yang bukan sahaja memberi manfaat kepada nelayan, malah memperkukuh hubungan antara universiti dan masyarakat.

"Harapan saya agar UPM meneruskan usaha ini dan membuka lebih banyak ruang

kolaborasi untuk manfaat negara," katanya.

Timbalan Pengurus Jawatankuasa Nelayan Sebatu, Johari Ismail berkata, inisiatif ini banyak membantu menjara sumber ekonomi baharu buat komuniti nelayan tempatan dalam situasi hasil laut yang semakin berkurang.

"Dengan perubahan ekosistem dan bantuan pembenihan ketam renjong, penduduk kini mendapat hasil laut yang lebih pelbagai dan menyumbang kepada penambahan sumber makanan negara," ujarnya.



AHMAD ZAHARIN menunjukkan benih ketam renjong yang akan dilepaskan di Kuala Sebatu, Sungai Rambai, Melaka.



USAHA tersebut telah memperkasa impak akuakultur menerusi hubungan antara universiti dan komuniti.